

Ekonomi MADANI jamin kemampanan, daya saing negara

Kerangka
jelas bantu
pembentukan
dasar, perincian
tindakan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat menepati keperluan dan tuntutan yang diperlukan negara untuk menjamin kemampanan ekonomi, daya saing serta kesejahteraan rakyat menuju ke hadapan meskipun berdepan persekitaran yang mencahar.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia (MINDA-UKM), Profesor Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata kerangka ekonomi yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi kejelasan sasaran yang ingin dicapai dalam 10 tahun akan da-



tang dengan mendasari dua tiang utama iaitu menstruktur semula ekonomi dan kehidupan berkuliti untuk rakyat.

Beliau berkata, dengan adanya kerangka yang jelas akan membantu pembentukan dasar dan perincian tindakan serta pelaksanaan yang bakal menyusul.

Katanya, Malaysia sememangnya memerlukan penstruktur semula ekonomi untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara kekal kukuh melangkah ke depan.

"Sebagai ahli ekonomi, saya sering utarakan beberapa bulan lalu bahawa perlu ada satu kerangka untuk membawa ekonomi ke hadapan. Saya ucapkan setinggi tahniah kepada Perdana Menteri dan kerajaan sudah beri satu penerangan atau ke-

rangka menepati keperluan negara hari ini.

"Kita perlu struktur ekonomi dan tidak ada pilihan lagi. Jika kita masih berlelah, kita akan jadi negara yang bermasalah," katanya pada sidang media khas Ekonomi MADANI: Mencapai Sasaran di Bangi, semalam.

Perlu komitmen jitu

Mengulas lanjut, Noor Azlan berpendapat beberapa sasaran yang ditetapkan kerangka ekonomi itu dilihat begitu mencabar dan kunci kepada kejayaan adalah bergantung kepada pelaksanaannya.

Malah, beliau berkata, ada juga sasaran yang baginya kurang jelas dari segi perincian untuk mencapainya seperti berada dalam kedudukan 30 ekonomi terbesar dunia.

Sehubungan itu, katanya sasaran yang ditetapkan memerlukan komitmen jitu

semua pihak dan pelaksanaan akan menjadikannya berbeza berbanding pelan yang dilancarkan sebelum ini.

"Secara umumnya, sasaran adalah untuk membawa negara ke depan. Saya melihat kerangka ini (Ekonomi MADANI), ia bukan sesuatu yang baharu. Kita sudah banyak dokumen pembangunan. Cabaran sebenar adalah pelaksanaan yang membolehkan ia berbeza," katanya.

Noor Azlan mencadangkan pelaksanaan Ekonomi MADANI mesti diinstitusikan dengan penubuhan pasukan khas yang berdedikasi dan diberi mandat untuk memastikan pelaksanaan kerangka ekonomi itu berjaya.

Beliau berkata, pasukan itu mesti dianggotai oleh individu yang berkebolehan dan mempunyai kefahaman yang jelas dan mesti bekerjasama dengan semua kementerian dan pihak yang berkaitan untuk merealisasikan Ekonomi MADANI.

"Semua pihak mesti jelas dan faham peranan masing-masing dan bersedia bersama menggerakkan Ekonomi MADANI. Permasalahan mesti ditangani segera," katanya.

"Secara umumnya, sasaran adalah untuk membawa negara ke depan. Saya melihat kerangka ini (Ekonomi MADANI), ia bukan sesuatu yang baharu. Kita sudah banyak dokumen pembangunan. Cabaran sebenar adalah pelaksanaan yang membolehkan ia berbeza"

Noor Azlan
Ghazali,
Pengarah
MINDA-
UKM

